

## PERKARA-PERKARA YANG PERLU DIPATUHI OLEH CALON SEMASA MENGHADIRI TEMU DUGA DIPLOMA BAHASA ETNIK

### 1. Mematuhi Etika Pakaian Yang Ditetapkan

#### Etika Pakaian Lelaki

- Berpakaian formal, sesuai dan kemas iaitu bertali leher, berseluar panjang dengan berbaju kemeja (tuck-in);
- Memakai kasut dan berstokin;
- Baju T dan seluar jeans tidak dibenarkan;
- Sandal/selipar tidak dibenarkan;

#### Rambut Lelaki

- Berambut pendek, kemas dan tidak mencecah kolar baju;
- Fesyen rambut tidak keterlaluan;
- Rambut tidak boleh diwarnakan.

#### Etika Pakaian Perempuan

- Berpakaian formal, sopan, kemas, sesuai dan tidak menjolok mata;
- Baju mesti berlungan panjang atau paras siku dan tidak ketat serta tidak menunjukkan bentuk tubuh badan;
- Solekan, aksesori dan pewangi secara sederhana;
- Sandal/selipar tidak dibenarkan;
- Baju T dan seluar jeans tidak dibenarkan.

#### Rambut Perempuan

- Rambut tidak boleh diwarnakan;
- Fesyen rambut tidak keterlaluan.

### 2. Membawa Kad Pengenalan /MyKad

Calon diminta membawa kad pengenalan/ MyKad ATAU dokumen pengenalan diri lain yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

### 3. Dokumen Asal

Anda dikehendaki membawa bersama dokumen asal seperti berikut beserta salinan yang telah disahkan:

- Kad Pengenalan/MyKad Calon;
- Sijil SPM/Setaraf;
- Sijil Kelahiran Calon;
- Sijil Berhenti Sekolah/Surat Akuan; dan
- Diploma/Sijil-sijil lain, jika ada (STPM/Setaraf, Sijil Kemahiran dll)

#### **4. Membawa Slip Menghadiri Temu Duga**

- Calon diminta membawa Slip Menghadiri Temu Duga;
- Slip Menghadiri Temu Duga boleh dicetak melalui laman web rasmi Universiti Pendidikan Sultan Idris (<https://kemasukan.upsi.edu.my/>)
- Kegagalan membawa Slip Menghadiri Temu Duga boleh menyebabkan calon dihalang daripada menghadiri temu duga.

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi:

Pejabat Jabatan Bahasa Etnik  
No. telefon pejabat : 05-4506888

Emel : [damiaadlina@upsi.edu.my](mailto:damiaadlina@upsi.edu.my)

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi nombor seperti di atas pada waktu pejabat (8.00 pagi – 5.00 petang).